

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

TARIKH : 26.11.2019 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan tong sampah “*Roll On Roll Off*” (RORO Bin) di kawasan penempatan rumah panjang di kawasan luar bandar Sarawak bagi menggalakkan amalan kebersihan yang baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bertekad untuk terus memastikan supaya taraf hidup dan kualiti hidup masyarakat luar bandar menjadi lebih baik dan sejahtera termasuk dalam aspek mengekalkan kelestarian alam sekitar di luar bandar. Justeru, pengurusan sisa pepejal adalah merupakan perkara yang turut diberi perhatian sebagaimana yang digariskan melalui Strategi 1.3: Pengurusan Sisa Pepejal Dan Kumbahan Yang Inovatif Di Luar Bandar di bawah Teras 4: Prasarana Lengkap dan Canggih dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) 2030.

Kementerian tidak pernah menggunakan tong sampah “*Roll On Roll Off*” (RORO Bin) bagi mengatasi masalah pengurusan sampah di luar bandar di seluruh Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sedang dalam proses melatih MPKK bagi menguruskan sisa pepejal di kawasan kampung masing-masing.

NO. SOALAN: 2

Sehingga kini melalui Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian telah melatih seramai 150 orang MPKK melalui Modul Pengurusan Sisa Pepejal.

Bagi mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal di luar bandar, KPLB bercadang untuk menggunakan teknologi baru mesin pelupusan sampah yang dikenali sebagai *Asher*. Bagi tujuan tersebut, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) telah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan projek rintis di Taman Sejahtera Rakyat, Sungai Toh Pawang, Kuala Muda, Kedah. Projek tersebut telah dilancarkan oleh YB Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 10 November 2019. Selain itu, KEDA juga akan menempatkan sebuah mesin *Asher* di Kampung KEDA di Pulau Tuba, Langkawi, Kedah.

Bagi tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan, syarikat pengeluar mesin tersebut akan menyediakan latihan kepada pegawai KEDA yang terlibat. KPLB akan menilai keberkesanan projek tersebut sebelum ia diperluaskan ke kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk kawasan penempatan rumah panjang di Sarawak sejajar dengan matlamat DPLB.

Kelebihan mesin *Asher* ini adalah ianya menggunakan tenaga solar dan mampu beroperasi selama 24 jam tanpa henti dengan jangka hayat sehingga 10 tahun. Mesin *Asher* berkeupayaan untuk memusnahkan 90% sisa pepejal basah dan kering kecuali besi, aluminium, kaca dan konkrit. Bagi tujuan pengoperasian, mesin tersebut hanya memerlukan seorang pekerja sahaja. Mesin tersebut juga tidak memerlukan ruang/kawasan yang besar untuk beroperasi. Tempoh pelupusan sampah menggunakan mesin ini adalah selama 60 minit. Mesin ini juga mudah untuk diselenggara dan kos penyelenggaraan adalah sebanyak 6% (RM21,900.00) dari harga mesin yang mana harga mesin ini adalah berjumlah RM366,500.00/mesin. Hasil pelupusan mesin boleh dijadikan baja tumbuhan atau batu bata untuk pembinaan. Mesin *Asher* juga telah mendapat pengiktirafan agensi antarabangsa seperti US EPA, SGS, MYCO2, Exova Dubai, CRL Environmental dan UPM Malaysia.

Sekian, terima kasih.